



Anwar dalam ucapan sempena Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik ke-36 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

Malaysia konsisten lindungi kedaulatan Laut China Selatan

PM tegaskan negara manfaat lokasi geografi di darat, maritim galak keselamatan serantau

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia kekal konsisten dengan pendirian terhadap perlindungan kedaulatan, hak dan kepentingan dalam zon ekonomi eksklusif di Laut China Selatan.

Perdana Menteri berkata, pada masa sama, Malaysia tanpa rasa goyah akan terus berhadapan dengan cabaran dan tuntutan dikemukakan mana-mana pihak.

“Berdasarkan perkara ini, perlu ditekankan keselamatan Malaysia jadi keutamaan demi keamanan di rantau ini untuk terus dipelihara.

“Kami akan memapfaatkan lokasi geografi sama ada di darat dan maritim yang melintasi laluan perdagangan paling penting dan kedudukan ekonomi sebagai bahagian penting dalam pelbagai rantaian bekalan global untuk menggalakkan keselamatan serantau,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik ke-36 (36APR) di sini, semalam.

Persidangan yang berlangsung tiga hari dianjurkan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia bagi pihak rangkaian Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa ASEAN (ASEAN-ISIS).

Persidangan 36APR itu diadakan bagi mengkaji kepentingan strategi dan keselamatan rantau, dasar Amerika Syarikat (AS) berbanding kebangkitan China di Asia Tenggara dan bagaimana rantau ini dapat menyumbang kepada kemakmuran global.

Yang turut hadir, Menteri Luar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Timbalan Menteri Perdagangan, Pelaburan dan Industri, Liew Chin Tong dan Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Prof Dr Mohd Faiz Abdullah.

Kekal hubungan AS, China

Bagaimanapun, Anwar berkata, ketika persaingan kuasa utama antara AS dan China semakin mencabar dan tegang, Malaysia mesti mengekalkan hubungan baik dengan dua kuasa ekonomi utama itu.

“Malaysia mesti meneruskan hubungan baik dengan kedua-dua kuasa besar, China dan AS bagi memastikan ia berjalan mengikut aturan, peraturan dan norma berdasarkan tatatertib yang ada.

“Apa yang baik pastinya dari asas yang baik. Jadi, ia mesti dilaksana berdasarkan keadilan, rasa hormat dan persefahaman, ihsan dan mengikut undang-undang antarabangsa,” katanya.

Beliau percaya tindak tanduk

AS dan China pastinya tidak melanggar peraturan dan norma sedia ada kerana kedua-duanya sudah mengesahkan komitmen mereka berhubung keamanan di rantau ini.

“Ia mesti melangkaui urusan perdagangan pelbagai hala dan geostrategik yang praktikal.

“Sememangnya, mesti ada usaha yang serius dalam melaksanakan terma besar dalam hal itu.

“Malaysia akan memainkan peranan kita dalam mencapai konsensus berhubung perkara itu,” katanya.

Anwar berkata, apa sahaja konsensus yang dicapai berhubung keselamatan global perlu mengambil kira pandangan Asia Tenggara dan negara Global Selatan.

“Perkembangan di negara Global Selatan menunjukkan petanda yang negara berkenaan semakin berdirinya.

“Dalam apa jua keadaan, perkembangan ini tidak seharusnya membimbangkan.

“Bagi Malaysia, ini adalah evolusi semula jadi dan ia harus dihormati dan digalakkan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terbabit secara proaktif dan bebas dengan pelbagai inisiatif oleh kuasa serantau dan pihak berkepentingan, sama ada di rantau Asia dan Indo Pasifik.

“Kita perlu melakukan ini dengan mengambil kira kepentingan dan keutamaan negara yang sangat terikat dengan pemeliharaan serantau yang inklusif,” katanya.